



KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

STRATEGI PENGUATKUASAAN BAGI OPS HARI RAYA AIDILFITRI (HRA) 2018

Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri seperti tahun-tahun sebelum ini, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) komited dalam melestarikan keselamatan jalan raya melalui OPS Hari Raya Aidilfitri (HRA) 2018. Ini merupakan usaha JPJ dalam meningkatkan kesedaran orang ramai akan betapa pentingnya mematuhi segala peraturan jalan raya demi keselamatan dan keharmonian masyarakat. Objektif operasi ini adalah untuk :

- a) Untuk memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada pengguna jalan raya agar "Pandu Cermat Sampai Selamat" ke destinasi;
- b) Berikhtiar untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya di musim perayaan;
- c) Mempertingkatkan Perception of being Caught (POBC) kepada semua pengguna jalan raya ;
- d) Membudayakan pemanduan berhemah dan mematuhi undang-undang oleh semua pengguna jalan raya; dan
- e) Mengeluarkan saman kepada pemandu yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya semasa penguatkuasaan ini dijalankan.

TEMPOH PENGUATKUASAAN DAN TARIKH LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BARANGAN

- JPJ telah melaksanakan OPS SISIH 3 sebagai pra- OPS HRA 2018 bermula 1 sehingga 7 Jun 2018.
- Tempoh penguatkuasaan OPS HRA 2018 ini adalah selama dua minggu iaitu dari 8 sehingga 24 Jun 2018 dan tidak termasuk dua hari cuti umum Hari Raya pada 5 dan 16 Jun 2018.

- Manakala tarikh larangan pemanduan kenderaan barang adalah pada:
 - 13 dan 14 Jun 2018 (sebelum perayaan)
 - 23 dan 24 Jun 2018 (selepas perayaan)

STRATEGI PENGUATKUASAAN

- Bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan, JPJ telah menyusun 3 strategi utama iaitu:
 - Pendidikan;
 - Pencegahan; dan
 - Penguatkuasaan.
- Melalui strategi utama ini, JPJ telah merangka 8 aktiviti penguatkuasaan bagi melaksanakan strategi tersebut iaitu :
 - Aktiviti 1: Penguatkuasaan OPS SISIH 3/2018 & Pemeriksaan bas depoh dan terminal
 - Aktiviti 2: Rondaan di lebuhraya dan jalan utama
 - Aktiviti 3: Penguatkuasaan khas motosikal
 - Aktiviti 4: Penyamaran sebagai penumpang bas
 - Aktiviti 5: Rakaman video kesalahan secara elektronik di lebuhraya dengan menggunakan kamera kendaraan penguatkuasaan (GO PRO)
 - Aktiviti 6: Aduan awam dan operasi bilik kawalan.
 - Aktiviti 7: Ceramah keselamatan jalan raya di agensi-agensi/ pejabat kerajaan/ IPTA/ IPTS
 - Aktiviti 8: Operasi berdasarkan risikan (IBO).

STATISTIK OPS HRA 2018

JPJ optimis melalui strategi yang telah dirangka bagi OPS HRA 2018 ini, mampu mencapai sasaran dalam meningkatkan lagi kepatuhan masyarakat terhadap segala undang-undang yang telah ditetapkan dan seterusnya membantu mengurangkan risiko kemalangan jalan raya di negara ini .

**Ibu Pejabat,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Malaysia.**

-TAMAT-